

Tanam 10,000 pokok di UPM

Sebanyak 10,000 anak pokok ditanam lebih 3,000 penuntut Universiti Putra Malaysia (UPM) sebagai inisiatif menghijaukan kampus pada Program Penanaman Pokok Mega, di sini, semalam.

Ketua Projeknya, Fahmi Azar Mistar berkata, projek itu bertujuan menjadikan UPM Taman Botani.

"Program ini usaha sama kakitangan UPM dan Pasar raya Tesco yang menyumbangkan 3,000 anak pokok.

"Penuntut ditugaskan menjaga anak pokok yang ditanam di enam kawasan kampus bertujuan mewujudkan perasaan

cintakan alam sekitar dalam diri penuntut UPM," katanya selepas majlis perasmian program itu.

Majlis disempurnakan Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) UPM Prof Dr Renuganth dan Pengarah Hal Ehwal Korporat dan Perhubungan Awam Kerajaan TESCO Datuk Azlan Shah Alias.

Menurutnya, 10,000 anak pokok itu terdiri daripada tiga pokok landskap.

"Tiga pokok yang dipilih adalah Tabebuia, Karas dan Bunga Raya. Pokok ini dipilih untuk mencantikkan kampus terutama di sekitar kawasan pejalan kaki," katanya.



ANTARA penuntut yang terbabit menanam anak pokok di UPM.